

Peruntukan Akta 172 Terhadap Warisan Senibina

Rancangan Tempatan

20 Seksyen 12(3)(a)viii -

Rancangan tempatan perlu membuat perincian cadangan bagi memelihara dan mengindah ciri dan rupa bangunan.

Laporan Cadangan Pemajuan

20 Seksyen 21A(d)iii dan 21(B)(1)(b)

Peruntukan kepada pemaju menyenaraikan butir-butir bangunan terutamanya yang mempunyai nilai senibina dan sejarah serta langkah melindungi, memelihara dan mengindahannya.

Kebenaran Merancang

20 Seksyen 22(1), (i), (j), (k)

Keperluan mematuhi garispanduan memelihara bangunan yang mempunyai nilai sejarah ketika pemberian kebenaran merancang.

20 Seksyen 22(i)

Pembangunan yang melibatkan pendirian bangunan baru, perlu mematuhi syarat untuk memastikan bangunan baru itu mempunyai kesambungan antara bangunan-bangunan baru dan lama dalam segala aspek.

20 Seksyen 22(j)

Pemajuan yang melibatkan pengubahan tambahan kepada bangunan-bangunan sediada, syarat untuk memastikan muka bangunan (fasad) dan ciri luaran lain dikekalkan.

20 Seksyen 22(k)

Pemajuan yang melibatkan pendirian semula bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah, syarat untuk memastikan muka bangunan dan ciri luaran lain bangunan yang didirikan semula dikekalkan.

Larangan Pembangunan Tanpa Kebenaran Merancang


- Lazimnya kerja-kerja terhadap bangunan berasaskan atau bersenibina boleh melibatkan;
- Meruntuhkan, mengganggu menurunkan atau mengubah bangunan;
- Penambahan Ketinggian atau keluasan, pengubah-suaian, pemberian semula atau penyesuaian terhadap bangunan;
- Membangunakan semula atau menukar bumbung bangunan atau sebahagian darinya; dan
- Perkara yang biasa dilajangkan oleh seseorang yang menjalankan urusan pembinaan. Yang demikian, ini tertakluk kepada larangan pembangunan melainkan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada PBPT.

Nota :
Semua maklumat dan kenyataan di dalam risalah ini adalah disediakan berdasarkan kepada peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) termasuk semua pindaan ke atasnya sehingga 01 November 2001.

Kawasan / Bangunan Warisan yang telah Diwartakan Dalam Rancangan Struktur 1986 Dan Rancangan Tempatan Kawasan Perancangan Pusat (RTKPP) 1997.

| BANGUNAN | TAHUN DIRIBINA | KEGUNAAN |
|---|--|--------------------|
| 1 GUA TAMBUN (LUKISAN PRA-SJAHAR) Dirisetakan pada 4.3.82 - Akta Bendapurbu | Zaman Neolithik Lebih kurang 3000 tahun | Lukisan Pra-Sjahar |
| 2 GEREJA WESLEY | 1893 | Gereja |
| 3 KELAB IPOH DIRAJA | 1895 | Kelab |
| 4 SEKOLAH ANGLO CHINESE | 1895 | Sekolah |
| 5 MASJID KAMPONG PALOH | 1897 | Masjid |
| 6 MASJID PANGLIMA KINTA | 1898 | Padang |
| 7 PADANG IPOH | 1898 | Padang |
| 8 F.M.S. BAR DAN RESTORAN | 1899 | Restoran |
| 9 MARKAS RE JIMEN 503, PSTD | | Markas Tentera |
| 10 TENAGA NASIONAL BERHAD (Perak River Hydro) | | Pejabat |
| 11 SEKOLAH CONVENT | | Sekolah |
| 12 MASJID INDIA MUSLIM | | Masjid |
| 13 PEJABAT PERSEKUTUAN (Bangunan Tanda SUK Perak) | | Pejabat |
| 14 SEKOLAH ST. MICHAEL | | Sekolah |
| 15 MAHKAMAH TINGGI IPOH | | Mahkamah |
| 16 DEWAN BANDARAN IPOH | | Dewan |
| 17 STESYEN KERETAPI IPOH | | Stesen keretapi |
| 18 TUGU PERINGATAN BIRCH | | Tugu |
| 19 JABATAN PENDIDIKAN PERAK | | Pejabat |
| 20 GEREJA ST. ANDREW'S PRESBYTERIAN | | Gereja |
| 21 HSBC BANK | | Bank |
| 22 SEKOLAH ANDERSON | | Sekolah |
| 23 MAJU PERAK BHD. (atau Bomba Lamai) | | Pejabat |
| 24 PEJABAT PERSEKUTUAN SERUAN ISLAM PERAK (Bantuan Belan Rintang) | | Pusat Rawatan |
| 25 GEREJA ST. JOHN DEVINE | | Gereja |

PEMELIHARAAN WARISAN BANDARAYA IPOH



Sebarang pertanyaan
sila berhubung dengan:-

Jabatan Perancang Bandaraya

Majlis Bandaraya Ipoh
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Tel : 05 - 208 3388

HOTLINE MBI

05-255 1515

Pindaan dan perubahan apa-apa perkara di atas
adalah tertakluk kepada kelulusan semasa oleh Majlis

REKABENTUK : MAJLIS BANDARAYA IPOH
HAKCIPTA TERPELIHARA



IPOH BERSIH, HIJAU DAN MEMBANGUN

PEMELIHARAAN WARISAN BANDARAYA IPOH

Bandaraya Ipoh merupakan sebuah Bandar yang wujud hasil dari rintisan sejarahnya tersendiri dalam industri bijih timah.

Sehingga kini masih terdapat pelbagai khazanah tersimpan di Bandar ini yang mengandungi pelbagai unsur-unsur di mana perlu dipelihara bagi memastikan ia tidak ditelan oleh peredaran zaman.

Oleh itu, kepentingan pemeliharaan Bandar perlu diberi perhatian kerana ia sering dikaitkan dengan sumbangan kepada pemeliharaan Warisan Negara.

Apa itu Pemeliharaan (*Conservation*)

Mengikut takrif yang terkandung di dalam *Burra Charter* pemeliharaan Bandar adalah satu istilah umum yang bermaksud segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya sesebuah bandar.

Dalam konsep pemeliharaan Bandar, pemeliharaan melibatkan beberapa istilah yang saling berkaitan dan boleh diringkaskan seperti berikut:-

Penjagaan (*Maintenance*)

Bermaksud memberikan penjagaan yang rapid an berterusan ke atas fabric, kandungan dan ruang letak sesuatu tempat.

Pengekalan (*Preservation*)

Bermaksud memastikan struktur sesuatu tempat itu di dalam keadaan asalnya dan dicegah daripada berlaku sebarang keusangan.



Pemulihan (*Restoration*)

Bermaksud membawa struktur yang sedia ada kembali kepada keadaan asal seperti yang diketahui dengan membuang tambahan-tambahan atau memasang kembali komponen-komponen struktur yang terdapat tanpa menggunakan atau memperkenalkan sebarang bahan baru ke atasnya.

Pembangunan Semula (*Reconstruction*)

Bermaksud mengembalikan sesuatu tempat itu sedekat yang mungkin kepada keadaan asalnya dan boleh dibezakan dengan menggunakan bahan-bahan lama dan baru.

Penyesuaigunaan (*Adaptation*)

Bermaksud mengubahsuai sesuatu tempat supaya selaras dengan jenis kegunaan yang sepadan seperti yang dicadangkan.



MATLAMAT PEMELIHARAAN BANDAR

Matlamat pemeliharaan Bandar adalah untuk mengawal atau memperoleh kembali kepentingan budaya sesuatu tempat. Ia semestinya mengandungi peruntukan bagi menjamin keselamatan, penjagaan keadaannya pada hari ini dan pada masa depan.

Bagi Bandaraya Ipoh, memelihara warisan Bandar dari diancam kemusnahan adalah menjadi aspek utama mampat pemeliharaan Bandar. Kemusnahan ini bermaksud dari segi fizikal, sosial dan ekonomi yang melibatkan kepada pemeliharaan warisan negara dan budaya.



Masjid Panglima Kinta antara Masjid tertua di Ipoh



Rekabentuk Bandar yang menarik Perlu dipelihara